

09 APR 1999

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR DUA HARI MULAI 20 MEI

JOHOR BAHRU, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan rasmi selama dua hari ke Johor bermula 20 Mei, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini.

Dr Mahathir, yang kini dirawat di Institut Jantung Negara (IJN) kerana infeksi paru-paru, sepatutnya melawat Johor bermula 25 Mac lepas tetapi tarikhnya telah ditunda.

Abdul Ghani berkata beliau telah menerima surat daripada Jabatan Perdana Menteri minggu lepas mengenai pengesahan lawatan Perdana Menteri ke Johor pada tarikh baru itu.

"Aturcara yang disusun tidak berubah," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka RTM sempena ulangtahun ke-53 di Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar di sini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai pada 8.45 pagi 20 Mei.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kemudian mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri di Bangunan Umno Johor.

Pada pukul 10.50 pagi, beliau dijadual menemui anggota jawatankuasa Pergerakan Pemuda dan pergerakan Wanita Umno Negeri serta ketua dan anggota jawatankuasa Umno bahagian di Eden Garden Hotel di sini.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) di hotel yang sama.

Pada pukul 3.30 petang itu, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis bersama rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Felde Pengeli Timur, dekat Kota Tinggi, manakala pada malamnya menghadiri jamuan malam di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor.

Pada pukul 9 pagi hari kedua lawatan itu, Dr Mahathir dijadual merasmikan projek perumahan kos rendah dan sederhana di Kota Masai, diikuti perasmian pecah tanah tapak Kilang Titan di kawasan perindustrian Tanjung Langsat, dekat Pasir Gudang.

Perdana Menteri akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Kopok Baru.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan media sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 3.45 petang.

-- BERNAMA

MKO NMO